

Pemilik rumah flat didapati enggan menurunkan binaan tanpa kelulusan

DBKL roboh binaan besi halang laluan

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam bertindak memotong dan merobohkan struktur besi yang menghalang laluan kerana mengundang kesukaran kepada penduduk lain dalam operasi di sebuah flat di sini.

Operasi di Seksyen 2, Wangsa Maju di sini itu, dilakukan selepas DBKL mendapati pemilik kediaman yang memasang binaan tanpa kelulusan tersebut masih enggan menurunkannya walaupun telah diberi amaran dan diminta membukanya sendiri.

DBKL memaklumkan, Operasi Bersepadu Memotong dan Merobohkan Struktur Besi di lokasi berkenaan dilakukan menerusi Jabatan Penguatkuasaan.

"Ia dilakukan dengan kerjasama Jabatan Penilaian dan Penguurusan Harta, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Keju-



ANGGOTA DBKL menurunkan binaan besi yang menghalang laluan di sebuah flat di Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur semalam.

ruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME), Jabatan Kawalan Bangunan dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju serta Polis Diraja Malaysia.

"Operasi khas itu dijalankan selepas pemilik kediaman gagal mematuhi notis penguatkuasaan dikeluarkan pada 10 Januari lalu untuk membuka sendiri struktur besi yang dibina," katanya.

DBKL berkata, pihaknya sudah merobohkan struktur besi yang dipasang tanpa kelulusan dan membuat halangan laluan koridor awam di kediaman itu.

"Ia adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Sisa struktur besi pula dipindahkan ke Stor JKME, Jalan Cheras di sini, untuk tindakan lanjut dan dokumentasi proses pelupusan," katanya.

Menurutnya, operasi berjalan lancar dengan kerjasama erat dari semua pihak yang terbabit.